

**Pas tabur janji kerana pilihan raya umum
Utusan Online
26 Jun, 2012**

KOTA BHARU 25 Jun - Keghairahan Kerajaan Pas Kelantan menabur janji melaksanakan projek mega dipercayai berpunca daripada pilihan raya umum yang dijangka diadakan tidak lama lagi.

Pengerusi Gerakan Tukar Rakyat, Kamarudin Mohd. Kasim mendakwa, taktik tersebut sudah dapat dihidu kerana seperti biasa setiap kali menjelang pilihan raya umum, Kerajaan Pas Kelantan akan tampil dengan pelbagai janji projek baru.

Dakwanya, salah satu contoh yang boleh dilihat adalah pembinaan stadium di Bukit Merbau yang diumumkan Mei tahun lalu tetapi upacara pecah tanahnya hanya dicadangkan dilakukan pada bulan Mac lalu.

"Ini jelas apabila Pas menjangka pilihan raya umum pada bulan Mac lalu, maka mereka kata nak buat pecah tanah bulan Mac, tetapi bila tiada pilihan raya akhirnya majlis itu juga tidak dibuat langsung.

"Memang sudah terang lagi bersuluh setiap projek yang diumumkan sejak lebih 20 tahun lalu akan dibuat menjelang pilihan raya umum kerana mereka mahu rakyat sokong mereka dan terus memerintah Kelantan," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Kamarudin berkata, projek lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai pula adalah satu perkara baru yang diumumkan Pas Kelantan juga atas *modus operandi* sama iaitu mahu menang pilihan raya.

Katanya, pengumuman itu tidak logik jika dibandingkan dengan pendapatan tahunan kerajaan negeri yang hanya sekitar RM400 juta setahun

"Memohon derma rakyat bererti mereka juga berharap rakyat akan mengundi mereka. Sebab itulah semua projek yang Pas Kelantan buat hanya jadi projek umum, pecah tanah dan tinggalkan. Bila mereka dapat tahu pilihan raya umum bukan bulan Mac maka tukar pula nak bina projek lain," ujarinya.

Sementara itu, Presiden Majlis Tindakan Rakyat Kelantan (MTRK), Azmi Ali menyifatkan tindakan Kerajaan Pas Kelantan itu sebagai cubaan memperbodohkan rakyat negeri ini.

Jelas beliau, ini kerana semasa berkempen pada pilihan raya, pemimpin Pas kerap mendakwa pembangunan duniawi tidak penting kerana akhirat adalah keutamaan setiap manusia tetapi sebaliknya mereka sendiri mahu bina projek besar.

"Bukankah ini satu tindakan yang mahu rakyat jadi bodoh. Kalau betul tidak mahu pembangunan jangan umumkan sesuatu yang bernilai berbilion ringgit sedangkan diri sendiri tidak mampu melaksanakannya.

"Akhirnya bila rakyat sudah terpengaruh, mereka ada taktik lain pula memohon simpati rakyat dengan mendakwa kononnya Kerajaan Pusat tidak membantu dan zalim dan atas

alasan itulah mereka menghasut rakyat untuk tidak memilih Barisan Nasional dalam pilihan raya," ujarnya.

Sementara itu, Presiden Angkatan Generasi Muda Kelantan (Agenda), Mohd. Zaidan Abdul Rahim berkata, golongan muda di negeri ini tidak lagi tertipu dengan janji-janji Pas sebaliknya mereka kini sudah boleh membezakan antara kaca dan permata.

"Kalau sekali boleh dimaafkan tetapi bila dah banyak kali malah dah lebih 20 tahu ditipu, sesiapa pun akan dapat menghidu dan sedar apa yang perlu dilakukan.

"Saya sebagai pemimpin generasi muda di sini menyeru golongan belia agar menolak Kerajaan Pas Kelantan kerana kita mahu sebuah kerajaan yang pandai berjanji dan menunaikannya, bukannya hanya bercakap bohong," tegasnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0626&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_04.htm